



Ruj.Kami : Prk.ML.08/35-22 (11)
Tarikh : 16 Ogos 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.H Dato`/Tuan,

PANDUAN KERJA KEPADA UNIT KAKITANGAN PELESENAN NEGERI DAN DAERAH

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan panduan khusus yang disediakan oleh Jabatan untuk dijadikan rujukan kepada semua kakitangan unit pelesenan di negeri dan juga daerah. Panduan ini dibuat setelah Jabatan mengambil kira pandangan serta persoalan yang dikemukakan oleh wakil kakitangan semasa beberapa program interaksi dan juga hasil daripada aktiviti naziran pelesenan yang telah dijalankan di beberapa negeri sebelum ini. Jabatan amat berharap supaya semua PPN dan KDP dapat mengambil tindakan proaktif dalam memastikan pelaksanaan aktiviti pelesenan yang dijalankan sentiasa mematuhi dasar serta prosedur pelesenan terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan.

3. Panduan yang disediakan ini terbahagi kepada dua (2) bahagian di mana bahagian pertama adalah berkaitan dengan dasar serta prosedur am pelesenan manakala bahagian kedua memfokuskan kepada ketidakpatuhan yang ditemui semasa aktiviti naziran serta langkah pembetulan yang wajar diikuti oleh semua pegawai dan kakitangan pelesenan.

4. Segala kerjasama dan perhatian sewajarnya oleh semua PPN berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan Jabatan memohon kerjasama semua PPN untuk memajukan panduan ini kepada semua KDP yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(HJ JOHARI BIN RAMLI)

Pengarah,
Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber
b.p Ketua Pengarah Perikanan
Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya

ramli/panduanstafflesen2013

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI



Rakyat Didahulukan
Pelayanan Bermutu

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Sarawak

Pengarah Perikanan W.P Labuan



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI

2. Soalan Mengenai Pelesenan Sampan

- i. Bolehkah sampan berlesen dipindahkan ke pangkalan di negeri lain?

Jawapan : Sampan berlesen boleh dipindahkan ke pangkalan di negeri lain dengan syarat mendapat sokongan daripada PPN dan PNK (pangkalan lama dan baru) serta pemilik sampan hendaklah menetap di pangkalan baru. Walau bagaimanapun, perpindahan pangkalan dari Pantai Barat ke Pantai Timur atau sebaliknya adalah tidak dibenarkan. Kuasa melulus pindah pangkalan antara negeri adalah di bawah bidang kuasa Ibu Pejabat Perikanan.

- ii. Bagaimana hendak menandakan nombor pendaftaran kekal pada sampan fiber?

Jawapan : Jabatan membenarkan pemilik sampan fiber untuk mengecat nombor pendaftaran dengan menggunakan cat pantul cahaya berwarna putih atau menggunakan pelekat khas di bahagian sisi hadapan berhampiran haluan sampan.

- iii. Adakah pesara kerajaan layak memohon lesen sampan sekiranya mereka mematuhi syarat jabatan dan merupakan nelayan tulen?

Jawapan : Pesara kerajaan layak memohon lesen khas sampan dengan syarat sumber pendapatan utama adalah daripada aktiviti penangkapan ikan. Kelulusan permohonan adalah berpandukan kepada laporan yang disediakan oleh Panel Temuduga Lesen Khas Sampan Peringkat Negeri yang dimajukan kepada Ibu Pejabat Perikanan.

- iv. Masih relevankah syarat Jabatan yang menetapkan syarat hanya 120 hari setahun ke laut sebagai definisi nelayan tulen untuk diberi lesen sampan?

Jawapan : Syarat tersebut masih lagi relevan kerana ianya telah dinyatakan di dalam Buku Dasar dan Prosedur Pelesenan Jabatan Perikanan. (Sila rujuk m/s 51)

- v. Terdapat individu yang telah menerima bantuan peralatan seperti sampan, enjin dan jaring daripada pejabat ADUN dan sebagainya.

- iii. Mencadangkan supaya diadakan taklimat khas berkaitan tatacara pungutan hasil/prosedur kewangan kerana tugas FA Pelesenan berhubung kait juga dengan hal-hal kewangan seperti menulis resit dan memungut hasil.

Jawapan :Jabatan mengambil berat mengenai perkara ini dan akan mengadakan kursus/latihan tatacara kewangan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam tugas pelesenan.

- iv. Mencadangkan supaya kadar peratusan kebenaran pengubahsuaian kulit vesel dinaikkan dari 20% kepada 30% bagi vesel tradisional di bawah 10 GRT. Ini akan membolehkan vesel boleh dioperasikan di kawasan yang lebih jauh.

Jawapan : Pihak kejuruteraan telah mengesyorkan supaya pengubahsuaian kulit vesel tidak melebihi 20% kerana ianya akan memberi kesan kepada kestabilan dan keselamatan vesel. Dengan itu, Jabatan telah menetapkan pengubahsuaian kulit vesel bagi semua kategori adalah tidak melebihi 20%.

- v. Terdapat vesel yang telah membaharui lesen selama 3 tahun tidak hadir untuk pemeriksaan tahunan . Apakah tindakan yang boleh di ambil Jabatan?

Jawapan :Jabatan telah mengeluarkan surat pekeliling yang memaklumkan bahawa walaupun lesen sampan boleh diperbaharui setiap tiga (3) tahun sekali tetapi pemeriksaan sampan hendaklah dibuat setiap tahun. Sekiranya pemilik gagal untuk membawa sampan bagi tujuan pemeriksaan, maka Jabatan hendaklah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pemilik. Sekiranya pemilik gagal memberikan maklum balas dalam tempoh 14 hari dari tarikh STS dikeluarkan maka tindakan pembatalan lesen boleh diambil.

4. Soalan Mengenai Isu – Isu Perjawatan

- i. Mencadangkan supaya semua Ketua Unit Pelesenan Negeri diketuai oleh Gred G41/G44 kerana beban tugas serta bilangan vesel yang makin banyak.

Jawapan :Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya telah menghantar Kertas Cadangan Penyusunan Semula Jabatan kepada JPA melalui MOA. Jawapan diterima menyatakan JPA akan melantik juru perunding bagi mengkaji keperluan Jabatan. Dalam kertas cadangan tersebut, Jabatan telah mengemukakan formula tertentu bagi pengisian jawatan di peringkat negeri dan daerah seperti yang dicadangkan.

5. Soalan Mengenai Sistem e-Lesen dan Peralatan ICT

- i. Unit Pelesenan Negeri tidak boleh menyemak status permohonan pindah pangkalan antara negeri.

Jawapan : Masalah ini telah diselesaikan di mana Jabatan telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap sistem e-Lesen berkenaan bagi membolehkan PPN (pangkalan asal dan baru) menyemak status permohonan berkenaan.

- ii. Sistem e-Lesen kerap mengalami gangguan talian

Jawapan : Masalah ini telah diselesaikan apabila Jabatan telah menambah baik server dan kapasitinya ke tahap maksimum. Jabatan akan memaklumkan kepada semua Ketua Unit Pelesenan Negeri melalui emel Jabatan sekiranya sistem mengalami gangguan disebabkan kerja-kerja penyelenggaraan. Disamping itu juga, talian internet di semua PPN dan PPD telah dinaiktaraf kepada sistem 1 gov net yang berkapasiti 2 hingga 6 Mbps

- iii. Cadangan supaya penggunaan borang manual ditiadakan kerana sistem e-Lesen telah digunakan dengan baik.

Jawapan : Jabatan telah mengambil tindakan untuk mengeluarkan borang –borang aktiviti pelesenan yang tidak diperlukan lagi seperti berikut :

- i. Borang permohonan aktiviti pelesenan (LPI(SIRIP) 1/99)
- ii. Borang siasatan pindah milik dan pindah pangkalan (LPI 2A/95).

Walaupun bagaimanapun, borang pemeriksaan vesel (LPI 1B/95) masih diperlukan diisi secara manual kerana borang tersebut digunakan bagi mengesahkan ketulenan dan layak layar sesebuah vesel. Jabatan juga dalam proses melaksanakan proses perekayasaan (*reengineering*) lesen vesel di mana Jabatan akan menyemak semula semua borang-borang yang digunakan bagi mempermudah dan melancarkan sistem e-Lesen sedia ada.

- iv. Apakah langkah yang boleh dibuat bagi membolehkan nelayan sendiri membuat permohonan melalui sistem e-Lesen?

Jawapan : Jabatan telah mewajibkan semua permohonan berkaitan aktiviti pelesenan dihantar melalui sistem e-Lesen dan diharapkan langkah tersebut akan diberi penekanan oleh PPN /PPD. Bagi

6. Soalan Mengenai *Monitoring, Controlling & Surveillance (MCS)*

- i. Cadangan sistem saman seperti yang dilaksanakan oleh Polis Trafik diperkenalkan supaya dapat memudahkan perjalanan kerja-kerja penguatkuasaan selain dapat meringankan beban tugas anggota penguatkuasa. Pada masa ini, mereka perlu membuka kertas siasatan bagi setiap kes-kes kesalahan termasuk kes kesalahan yang kecil.

Jawapan : Sistem saman tidak boleh diperkenalkan kerana kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 merupakan kes tangkap dan ia perlu dikendalikan sebagaimana kes jenayah lain yang memerlukan laporan polis, proses siasatan, penahanan barang kes (termasuk bot dan peralatan menangkap ikan), jamin atau reman orang yang disyaki dan sebagainya.

- ii. Cadangan supaya vendor yang membekalkan peralatan MTU membuka cawangan di setiap negeri supaya sebarang aduan berkaitan peralatan tersebut boleh di ambil tindakan dengan cepat.

Jawapan : Jabatan telah meneliti kes-kes yang melibatkan laporan prestasi MTU yang tidak memuaskan. Adalah didapati bahawa kebanyakan kes adalah disebabkan pengusaha vesel C2 tidak mahu membayar kos penyelenggaraan yang akan di buat setelah mereka diberikan sebutharga oleh pihak vendor. Dengan itu, MTU tidak dapat diaktifkan selagi pembayaran tidak dibuat. Jabatan telah mendapat bukti tersebut daripada sebutharga yang dikeluarkan oleh vendor setelah siasatan dijalankan. Kebanyakan kes berkenaan adalah melibatkan vesel C2 yang berasal dari negara asing dan menggunakan 100% kru asing supaya Jabatan tidak dapat memantau pergerakan vesel-vesel mereka. Sekiranya perkara sedemikian berlaku, adalah disarankan supaya PPN / KDP menghubungi vendor yang membekalkan alat MTU bagi mendapatkan maklumat sebenarnya.

8. Soalan Mengenai Kru Asing

- i. Nelayan pukat tunda Zon B sering merungut dan mendesak supaya kerajaan membenarkan kru asing digunakan di Zon B. Apakah dasar Jabatan berhubung penggunaan kru asing?

Jawapan : Dasar jabatan adalah kekal di mana penggunaan kru asing hanya dibenarkan bagi vesel Zon C dan C2 sahaja. Satu pekeliling telah dikeluarkan kepada Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia untuk menguatkuasakan peraturan tersebut. Dasar ini dilaksanakan bagi mengawal keselamatan negara dan memberi peluang pekerjaan kepada nelayan tempatan.

- ii. Status penggunaan PLKS bagi penggunaan permit kru asing

Jawapan : Penggunaan permit kru asing masih lagi di bawah seksyen 10 (1)(b) dan 10 (1)(c) Akta Perikanan 1985. Penggunaan PLKS di Semenanjung Malaysia dan Sarawak adalah ditangguhkan sehingga di beritahu kelak. Namun begitu, proses permohonan penggunaan kru bukan warganegara masih lagi dibenarkan menggunakan passport antarabangsa atau pas pelaut (seaman pass). Walaubagaimanapun, PLKS telah dilaksanakan di Sabah.

9. Soalan Pelbagai

- i. Pewartaan kawasan Sibuti Coral Reefs National Park di Miri telah menyebabkan kehilangan kawasan menangkap ikan. Pewartaan ini telah menyebabkan pendapatan lebih 4,000 nelayan terjejas.

Jawapan : Jabatan telah berhubung dengan Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh 4,000 orang nelayan berkenaan. Sehubungan itu, satu mesyuarat khas akan diadakan di Kuching, Sarawak dan akan dipengerusikan oleh Y.H Dato` Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. Pada masa akan datang, adalah disarankan supaya semua PPN mengambil sikap proaktif dalam isu-isu seperti ini supaya permasalahan nelayan dapat dibawa kepada pihak berkuasa berkenaan sebelum sesuatu keputusan dibuat.

- ii. Syarat baru jabatan yang tidak membenarkan tangki tambahan di atas dek perlu di kaji semula kerana terdapat banyak vesel yang sedia ada telahpun mempunyai tangki di atas dek kerana rekabentuk vesel

Peraturan-Peraturan Perikanan (Laut) Sarawak 1976, **tidak boleh menangkap ikan di perairan Sarawak.**

- vi. Dasar Jabatan sedia ada telah menetapkan jumlah maksimum kru 3 orang bagi vesel Zon A dan juga bagi vesel Zon A yang menggunakan perkakas tradisi tetapi ingin berpindah ke Zon C. Pengusaha memohon supaya mereka yang telah berpindah ke Zon C dibolehkan menggunakan kru lebih daripada 3 orang.

Jawapan :Dasar Dan Prosedur Pelesenan Jabatan telah menyediakan garis panduan yang jelas berkaitan dengan bilangan kru yang dibenarkan bekerja di atas setiap vesel. Bagi sampan tradisi Zon A, bilangan maksimum kru adalah 2 orang, bagi vesel tradisi Zon A yang berenjin dalam yang bermuatan kurang daripada 20 GRT, bilangan maksimum kru adalah tiga (3) orang dan bagi vesel tradisi Zon A yang berenjin dalam dan bermuatan kurang daripada 40 GRT, bilangan maksimum kru adalah 4 orang. Dasar ini telah digubal bagi memastikan keselamatan dan keselesaan kru yang bekerja di atas vesel-vesel berkenaan. Sekiranya vesel Zon A ingin berpindah ke Zon lebih jauh seperti Zon C, maka kuota kru bagi setiap vesel berkenaan tetap sama demi menjaga keselamatan dan keselesaan kru. Permohonan untuk menambah bilangan kru akan dipertimbangkan sekiranya pengusaha telah membuat ganti kulit kepada saiz vesel yang lebih besar setelah mendapat kelulusan Jabatan.

DISEDIAKAN OLEH

**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGURUSAN SUMBER
IBU PEJABAT PERIKANAN MALAYSIA
PUTRAJAYA
16 OGOS 2013**

	pemeriksaan vesel dan kelulusan.	dasar dan prosedur pelesenan Jabatan dalam memastikan ketelusan sesuatu permohonan itu tidak diragui.
6	Permohonan pindah milik vesel milik bumiputra kepada bukan bumiputra di luluskan di peringkat PPN sahaja dan tidak dibuat hebahan selama 6 bulan.	Dasar Jabatan telah menetapkan semua permohonan pindah milik bumi kepada bukan bumi perlu dihantar ke ibu pejabat selepas tempoh hebahan selama 6 bulan dibuat dan permohonan ini hanya akan dipertimbangkan oleh Ketua Pengarah Perikanan
7	Permohonan tukar Zon A ke C, ganti kulit serta tukar peralatan dari pukut hanyut kepada pukut tunda di luluskan oleh PPN sahaja	Dasar Jabatan telah menetapkan semua permohonan tukar zon diluluskan di peringkat ibu pejabat manakala pertukaran peralatan tradisional kepada peralatan komersil adalah tidak dibenarkan
8	Profil vesel tidak dikemaskini di dalam sistem e-Lesen	Semua PPD perlu mengemaskini maklumat vesel di dalam sistem e-Lesen bagi melancarkan lagi permohonan menggunakan sistem ini. Semua permohonan aktiviti pelesenan hendaklah dilaksanakan menggunakan sistem e-Lesen bagi mempercepatkan lagi proses permohonan dan keputusan sesuatu permohonan
9	Pindah milik vesel yang masih dalam tempoh edah diluluskan di peringkat PPN	Semua kes permohonan pindah milik perlu merujuk kepada Cawangan Perundangan dahulu untuk menyemak kes kesalahan PPN perlu menyemak buku dasar serta pekeling terkini dalam meluluskan / menyokong sebarang permohonan
10	Fail vesel yang telah lulus pindah pangkalan tidak dihantar ke pangkalan baru	Fail vesel dan kad hijau perlu dihantar ke pangkalan baru supaya mudah PPD baru menyemak rekod vesel tersebut
11	Laporan MTU dan LOV tidak dinyatakan di dalam ulasan permohonan pembaharuan lesen vesel zon C2	Bahagian telah menetapkan pengkategorian vesel zon C2 samada kategori A,B,C, atau D. PPD /PPN hendaklah sentiasa menyemak dengan

19	Wujud unsur vesel dari luar yang didaftarkan sebagai vesel tempatan	Dasar Jabatan tidak membenarkan vesel asing / terpakai dari luar Negara untuk di daftarkan sebagai vesel penangkapan ikan untuk Zon A,B, dan C.
20	Buku Lesen yang masih baik dan boleh digunakan untuk tempoh 5 tahun lagi telah dibatalkan penggunaannya apabila berlaku pindah milik dan pindah pangkalan	Catatan pindah milik dan pindah pangkalan perlu dibuat dalam ruang pindah milik dan pindah pangkalan yang terdapat di dalam Buku Lesen. Buku lesen baru hanya perlu dikeluarkan setelah ruang pembaharuan lesen telah penuh atau buku lesen hilang / rosak. Semua rekod kesalahan pada buku lesen lama perlu dicatatkan ke dalam buku lesen baru.
21	Tarikh kelulusan pembaharuan lesen dan pembayaran dibuat lebih awal daripada tarikh permohonan dibuat.	PPD perlu memastikan permohonan diterima terlebih dahulu sebelum sebarang kelulusan dikeluarkan.
22	Bilangan kru diluluskan melebihi had kelayakan yang dibenarkan.	Pengeluaran kad nelayan hendaklah berasaskan kepada bilangan kru di dalam Buku Lesen. Pembetulan bilangan kru hendaklah dibuat di atas dokumen asal Buku Lesen atau kad hijau.
23	Bayaran lesen peralatan yang dikutip tidak sama dengan yang dicatatkan di dalam buku resit Kew 38.	FA dan KDP perlu sentiasa menyemak sebarang rekod yang ditulis untuk mengelakkan kesilapan yang sama berulang.
24	Deposit / bank gerenti bagi pukat tunda tidak dibuat oleh pemilik baru setelah permohonan pindah milik diluluskan.	Dasar Jabatan telah menetapkan bahawa semua pemilik vesel komersil perlu mengemukakan deposit / bank gerenti sepanjang tempoh operasi vesel tersebut.
25	Nombor siri KPN tidak mengikut turutan dan tiada rekod diwujudkan bagi kad-kad yang rosak atau telah dibatalkan.	Pengeluaran KPN hendaklah mengikut turutan nombor siri. Kad-kad yang rosak dan dibatalkan hendaklah dicatat di dalam buku rekod kad nelayan.
26	Ubahsuai vesel melebihi 20% daripada muatan asal diberi kelulusan di peringkat negeri sahaja. Sepatutnya diangkat ke Ibu Pejabat Perikanan untuk diberi pertimbangan.	Dasar telah menetapkan had maksima untuk ubahsuai vesel tidak melebihi 20% daripada saiz asal. Ini bagi menjamin kestabilan struktur vesel dan juga faktor keselamatan. Bagi kes-kes yang melebihi 20% perlu